

Hujan lebat diramal di lima negeri

KUALA LUMPUR – Beberapa daerah di Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu serta Melaka berkemungkinan dilanda banjir kilat dan angin kencang berikutan ribut petir dan hujan lebat yang melanda negeri tersebut secara berterusan sehingga malam tadi.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi, setakat pukul 3.13 petang semalam, daerah yang terlibat di Negeri Sembilan ialah Jelebu, Jempol, Tampin dan Kuala Pilah.

Di Johor, daerah yang terjejas termasuk Johor Bahru, Kulaijaya dan Pontian manakala daerah-daerah yang terlibat di Pahang pula ialah Bentong, Temerloh, Maran dan Jerantut.

Selain itu, Jabatan Meteorologi turut mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga iaitu hujan sekejap-sekejap kadangkala sederhana yang dijangka melanda beberapa daerah di Pahang dan Johor sehingga hari ini.

Daerah-daerah yang terlibat ialah Kuantan, Pekan, Rompin dan Bera di Pahang dan Kluang, Mersing, Segamat dan Batu Pahat di Johor.

Amaran peringkat jingga juga bermaksud kawasan-kawasan yang berkedudukan rendah akan mengalami banjir.

Pada masa yang sama, amaran peringkat kuning iaitu nasihat hujan lebat turut dikeluarkan di beberapa daerah di Terengganu dan Johor.